

JAWAPAN IMPAK A+ BAHASA MELAYU TINGKATAN 1 BAHAGIAN A, B & C

BAHAGIAN A: SISTEM BAHASA

Praktis 1

- | | |
|------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| (i) di negara – ke negara | (vi) di kalangan – dalam kalangan |
| (ii) Beliau – Dia | (vii) Para pengguna-pengguna – Para pengguna / Pengguna-pengguna |
| (iii) menculik akan anak – menculik anak | (viii) saling berbalas-balas – saling berbalas / berbalas-balas |
| (iv) lain-lain – hal-hal lain | |
| (v) ialah – adalah | |

Praktis 2

- | | |
|-----------------------------|--------------------------------|
| (i) dialog – dialog | (vi) kaki tangan – kakitangan |
| (ii) muhibbah – muhibah | (vii) catitan – catatan |
| (iii) was-was – waswas | (viii) tengahari – tengah hari |
| (iv) sesi – sesi | (ix) kraftangan – kraf tangan |
| (v) disembeleh – disembelih | (x) berlansung – berlangsung |

Praktis 3

- | | | |
|------------------|-----------------------|--------------------|
| (i) Frasa Nama | (iii) Frasa Adjektif | (v) Frasa Adjektif |
| (ii) Frasa Kerja | (iv) Frasa Sendi Nama | |

Praktis 4

- | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) Emak meminta Anita mengambilkannya bubur kacang di dapur. | (iv) Emak meminta Anita menghidangkan bubur di atas meja supaya dapat mereka minum petang bersama dengan ayah. |
| (ii) Anita ingin mengetahui orang yang memasak bubur tersebut daripada emaknya. | (v) Anita menuruti suruhan emak sambil memuji dengan mengatakan bahawa bubur kacang yang dibuat oleh kakaknya tentu sedap, tambahan pula dia sedang lapar. |
| (iii) Emak memberitahu bahawa bubur tersebut dimasak oleh kakak Anita pada tengah hari itu. | |
- | | |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) Fikri bertanya sekiranya Hisham ada ternampak jam tangannya. | (v) Fikri menegaskan bahawa mereka sentiasa mengunci bilik setiap kali masuk dan keluar. |
| (ii) Hisham memberitahu bahawa dia ada ternampak jam tersebut pada malam tadinya di atas meja Fikri. | (vi) Hisham berasa hairan dan mengajak Fikri melaporkan kehilangan jam itu kepada warden blok mereka. |
| (iii) Fikri mengiakan kerana dia yang meletakkan jam tersebut di situ tetapi sekarang jam itu telah hilang pula. | (vii) Fikri bersetuju dan memberitahu sekiranya mereka tidak membuat sebarang tindakan, kes kecurian di asrama mereka akan berleluasa. |
| (iv) Hisham bertanya kepada Fikri sama ada orang lain ada masuk ke bilik mereka. | (viii) Hisham bersetuju dengan pendapat Fikri. |
- | | |
|-----------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) “Amboi, cantiknya kasut awak!” kata Zahid kepada Kelvin. | (iv) “Abang saya yang hadiahkan. Dia membeli kasut ini di Jepun sewaktu pergi bercuti,” jawab Kelvin. |
| (ii) “Biasa-biasa saja, kasut baharu tentulah nampak cantik,” jawab Kelvin. | (v) “Bertuahnya awak kerana mempunyai abang yang baik,” kata Yusry. |
| (iii) “Di manakah awak membeli kasut ini?” tanya Zahid. | |
- | | |
|--------------------------------------|---------------------------------------------------|
| (i) WILIAM: Hai, Seroja! Apa khabar? | (ii) SAROJA: Saya baru saja keluar dari hospital. |
|--------------------------------------|---------------------------------------------------|

- (iii) WILIAM: Mengapakah awak ditahan di hospital?
- (iv) SAROJA: Saya sebenarnya disyaki menghidap demam denggi.

- (v) WILIAM: Aduhai, kasihannya awak! Maaflah kerana saya langsung tidak tahu tentang awak ditahan di hospital.

Praktis 5

1.
 - (i) Demam bola sepak Piala Malaysia telah bermula kerana di mana-mana orang berbual tentang bola sama ada di pejabat, kedai kopi, atau di kampung-kampung terpencil.
 - (ii) Media massa seperti radio, televisyen, majalah, dan surat khabar tidak kurang memainkan peranannya yang sentiasa memuatkan cerita tentang bola.
2.
 - (i) Gula proses seperti sebiji gula-gula tidak ada serat dan akan cepat meresap ke dalam salur darah tetapi jika makan buah seperti nanas seratnya masih ada seterusnya melambatkan resapan dalam saluran darah.
 - (ii) Syarikat telekomunikasi membuat pelbagai promosi kerana tidak mahu ketinggalan untuk mengaut keuntungan sempena Piala Malaysia.
3.
 - (i) Buah durian dikenali oleh semua golongan. Buah durian digemari oleh semua golongan.
 - (ii) Buah ini tidak boleh dimakan berlebihan. Kandungan kolesterol buah ini tinggi.
 - (iii) Gula yang berlebihan dalam darah menyebabkan penyakit kencing manis serta komplikasi penyakit ini ialah serangan jantung dan tekanan darah tinggi.
4.
 - (i) Meminum air sejuk semasa makan tidak elok. Meminum air sejuk semasa makan mengurangkan pengaliran air liur.
 - (ii) Air sejuk membahayakan bahagian perut. Air sejuk menghalang sistem penghadaman.
 - (iii) Kolesterol tinggi boleh membawa pelbagai penyakit seperti penyakit darah tinggi. Kolesterol tinggi boleh membawa pelbagai penyakit seperti penyakit jantung.
 - (iii) Sistem penghadaman mestilah panas sebelum proses penghadaman berlaku.
 - (iv) Proses penghadaman dapat memastikan kelancaran proses penghadaman di dalam perut.

Praktis 6

1.
 - (i) Sijil murid terbaik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu diterima oleh Amir.
 - (ii) Tempat pertama dimenangi oleh Noor Atiqah dalam pertandingan bermain congkak.
 - (iii) Surat itu telah ditaip oleh Salina untuk dihantar kepada ayahnya.
 - (iv) Rumput di kebun belakang rumah disabit oleh Kumar.
 - (v) Lagu-lagu nyanyian Allahyarham Tan Sri S.M. Salim selalu dinyanyikan oleh Arif ketika menyertai pertandingan.
 - (vi) Sampah sarap dan lumpur akibat banjir kilat yang berlaku semalam dibersihkan oleh penduduk Taman Cahaya Alam.
2.
 - (i) Syarikat Australia telah membina kilang memproses nadir bumi di Gebeng, Kuantan.
 - (ii) Zakuan menyepak bola terus masuk ke pintu gol pasukan Chelsea.
 - (iii) Lembaga Pengarah mengehendaki Pengerusi Syarikat Titi meletakkan jawatan dengan segera kerana menyalahgunakan wang syarikat sebanyak RM 20 juta.
 - (iv) Kami telah menghias dewan yang cantik itu dengan bunga-bunga hidup yang segar.
 - (v) Cikgu Fahmi telah menangkap murid itu kerana menghisap rokok.

(vi) Jaslan mengakui kegagalannya dalam

peperiksaan kerana sering ponteng sekolah.

Praktis 7

1.

- (i) Ayat penyata
- (ii) Ayat tanya
- (iii) Ayat seruan

- (iv) Ayat larangan (ayat perintah)
- (v) Ayat majmuk

- (vi) Ayat tunggal
- (vii) Ayat permintaan
- (viii) Ayat silaan

Praktis 8

1.

- (i) Air dicencang tiada putus
- (ii) Bagai tikus membaiki labu

- (iii) Melepaskan anjing tersepit
- (iv) Seperti harimau menyembunyikan kuku

2.

- (i) Seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul
- (ii) Seperti anak ayam kehilangan ibu

- (iii) Seperti mentimun dengan durian, menggolek rosak, kena golek binasa

3.

- (i) Ibu selalu menyarankan kami agar sediakan payung sebelum hujan dengan menyimpan sebahagian daripada gaji kami di bank kerana mungkin berlaku sesuatu kesusahan pada masa akan datang.
- (ii) Kamal selalu berhemat ketika berbelanja di sekolah kerana dia tahu bahawa ibu bapanya bukanlah orang kaya, maka dia sentiasa ukur baju di badan sendiri.
- (iii) Leela membuka pekung di dada apabila selalu menceritakan pergaduhan ibu dan ayahnya kepada rakan-rakannya.

- (iv) Zaidi seperti lebah mengumpulkan madu kerana kerajinannya yang tidak jemu-jemu selama ini membuahkan hasil apabila dia dinaikkan pangkat.
- (v) Mak Timah terkenal sebagai seorang yang pantas dan cekap membuat kerja seperti lipas kudung menyebabkan dia banyak masa untuk membuat aktiviti luar.
- (vi) Datuk Halim yang hartawan itu memaksa penduduk kampung agar mengikut kehendaknya kerana kedudukannya umpama pisau di tangan kanan, mentimun di tangan kiri.

4.

- (i) Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga
- (ii) Besar pasak daripada tiang
- (iii) Ditelan mati emak, diluahkan mati bapa

- (iv) Sediakan payung sebelum hujan
- (v) Biar lambat asalkan selamat
- (vi) Ikan pulang ke lubuk / belut pulang ke lumpur

PENEGUHAN SISTEM BAHASA

Praktis 1

- (i) Adik – adik
- (ii) sejarah – Sejarah
- (iii) stadium merdeka – Stadium Merdeka

- (iv) Penyanyi – penyanyi
- (v) Beliau – beliau

Praktis 2

- (i) Kami – Kita
- (ii) kalian – kamu
- (iii) Patik – beta

- (iv) kalian – mereka
- (v) aku – saya

Praktis 3

- (i) biji – tongkol

- (ii) Berapa – Beberapa

- (iii) Seutas – Sebentuk
- (iv) Setengah – Sesetengah

(v) batang – kaki

Praktis 4

- (i) kepada – demi
- (ii) pada – kepada
- (iii) daripada – dari

(iv) kepada – akan
(v) di – pada

Praktis 5

- (i) pilih – memilih
- (ii) baca – membaca
- (iii) lari – berlari

(iv) senyum – tersenyum
(v) tugaskan – menugaskan

Praktis 6

- (i) sudah – akan
- (ii) belum – sedang
- (iii) belum – tidak

(iv) tidak – bukan
(v) paling terpandai – paling pandai/terpandai

Praktis 7

- (i) namun – sekiranya
- (ii) kerana – lalu
- (iii) tetapi – kecuali

(iv) demi untuk – untuk/demi
(v) sedangkan – walaupun

Praktis 8

- (i) ialah – adalah
- (ii) ialah – adalah
- (iii) ialah – adalah

(iv) adalah – ialah
(v) adalah – ialah

Praktis 9

- (i) menjauhkan – berjauhan
- (ii) salah – bersalah
- (iii) menyalam – bersalam

(iv) saling berpeluk-pelukan – saling berpelukan/berpeluk-pelukan
(v) merasa – berasa

Praktis 10

- (i) paling terpandai – paling pandai/terpandai
- (ii) Amat terlaris – Amat laris
- (iii) cantik – tercantik

(iv) sangat tertinggi – sangat tinggi/tertinggi
(v) paling termahal – paling mahal/termahal

Praktis 11

- (i) mendahulukan – mendahului
- (ii) menjalankan – menjalani
- (iii) menjalani – menjalankan

(iv) menjawabkan – menjawab
(v) menstabil – menstabilkan

Praktis 12

- (i) dihadap – dihadapi
- (ii) dibacakan – dibaca
- (iii) ditemui – ditemukan

(iv) dihormat – dihormati
(v) dikena – dikenakan

Praktis 13

- (i) mempercaya – mempercayai
- (ii) memperlebar – memperlebar
- (iii) mempersetujui – mempersetujui

(iv) mempertahankan – mempertahankan
(v) memperkemas – memperkemas

Praktis 14

- (i) dipersetujui – dipersetujui
- (ii) diperhebatkan – diperhebat

(iii) dianjurkan – dianjurkan
(iv) dirahmat – dirahmati

- (v) disusunkan – disusun

Praktis 15

- (i) senarai barang-barang – senarai barang
(ii) Beberapa orang murid-murid – Beberapa orang murid

- (iii) Kebanyakan rumah-rumah – Kebanyakan rumah
(iv) dedaun-dedaun – dedaun
(v) pepohon-pepohon – pepohon

Praktis 16

- (i) menghormat-hormati – hormat-menghormati
(ii) camping-compang – compang-camping
(iii) hingar-bingit – hingar-bingar

- (iv) semalam-malam – semalam-malaman
(v) terkamit-kumat – terkumat-kamit

Praktis 17

- (i) setia usaha – setiausaha
(ii) terimakasih – terima kasih
(iii) Kerja sama – Kerjasama

- (iv) pasaraya – pasar raya
(v) suka rela – sukarela

Praktis 18

- (i) Mini market – Market mini
(ii) lain-lain perkara – Perkara-perkara lain
(iii) daging ayam – ayam daging

- (iv) Pegawai polis tinggi – Pegawai tinggi polis
(v) siber kafe – kafe siber

KESALAHAN EJAAN

Praktis 1

- (i) berselisih – berselisih
(ii) Sukanika – Sukaneka

- (iii) menjunjong – menjunjung

Praktis 2

- (i) perabut – perabot
(ii) calun – calon

- (iii) penoh – penuh

Praktis 3

- (i) insuran – insurans
(ii) pelajar – murid

- (iii) luekimia – leukemia

Praktis 4

- (i) ramoh – ramah
(ii) lingkungan – lingkungan

- (iii) membuwang – membuang
(iv) berkemah – berkhemah

Praktis 5

- (i) hanggat – hangat
(ii) pendakkian – pendakian

- (iii) bejat – bajet
(iv) pengelam – penyelam

SINTAKSIS

Praktis 1

- (i) Frasa Nama + Frasa Adjektif
(ii) Frasa Nama + Frasa Sendi Nama

- (iii) Frasa Nama + Frasa Kerja
(iv) Frasa Nama + Frasa Nama

Praktis 2

- (i) bakul rotan itu
(ii) lembu itu

- (iii) sekolah lama kami
(iv) pasar raya itu

Praktis 3

- (i) sahabat lama saya
- (ii) Jabatan Kebajikan Masyarakat

- (iii) di dalam laci itu
- (iv) Tuan Haji Ahmad

Praktis 4.

- (i) Sedang bergerak ke arah selatan kereta api itu.
- (ii) Sungguh cantik pemandangan di sawah pada pagi itu.

- (iii) Diadakan pada hari Ahad mesyuarat itu.
- (iv) Dipinjamkannya kepada Sani buku itu.

Praktis 5

- (i) Bola itu ditendang oleh Samad dengan kuat.
- (ii) Perlawanan bola sepak di televisyen sedang ditonton oleh mereka.

- (iii) Rondaan untuk menangkap PATI sedang dijalankan oleh pihak berkuasa.
- (iv) Jalan untuk ke rumah ketua kampung kami terangkan kepada pemuda itu.

PERIBAHASA

Praktis 1

- (i) Seperti tikus jatuh ke beras

- (ii) Lepas dari mulut harimau, masuk ke mulut buaya

Praktis 2

- (i) asam garam
- (ii) gulung tikar

- (iii) malu-malu kucing
- (iv) naik angin

Praktis 3

- (i) Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

- (ii) Bersatu teguh, bercerai roboh

Praktis 4

- (i) abu di atas tunggul
- (ii) udang bertahi di kepala

- (iii) katak, sedikit hujan banyak bermain
- (iv) kaca terhempas ke batu

LATIHAN MIRIP PT3 2020

SET 1

1.

- (i) mengunjung ke rumah – mengunjungi rumah/ berkunjung ke rumah
- (ii) menjumlahkan buku-buku – menjumlahkan buku

- (iii) Oleh kerana – Oleh sebab
- (iv) di atas – atas

2.

- (i) maksima – maksimum
- (ii) definasi – definisi

- (iii) teknologi – teknologi

3.

- (i) Kita boleh bekerja dengan seronok.
- (ii) Kita boleh hidup dengan seronok.
- (iii) Jikalau kita tidak sihat semua tidak bermakna dalam hidup.

- (iv) Kita perlu meningkatkan kesihatan.
- (v) Bersenam merupakan satu cara untuk kita sihat.

4.

- (i) Seperti anjing menggonggong tulang

- (ii) Daripada cempedak baiklah nangka

SET 2

1.

- (i) di dalam – dalam

- (ii) Kebanyakan remaja-remaja – Kebanyakan remaja / Remaja-remaja

- | | | | |
|-------|----------------------------------------------------------------------------------------|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (iii) | berjam – berjam-jam | (iv) | Tiap pekerja – Tiap-tiap pekerja |
| 2. | | (iii) | Lakunan – Lakonan |
| (i) | ajen – ejen | | |
| (ii) | anti karat – antikarat | | |
| 3. | | (iv) | “Aduh, sakitnya kaki aku! Aku jatuh dari katil malam tadi,” keluh Johan kepada Farid. |
| (i) | “Mengapakah kau datang lewat ke sini?” tanya Zamri kepada Hasmida. | (v) | “Marilah kita ke kantin, makan,” ajak Lokman kepada Munir. |
| (ii) | “Adik saya dimasukkan ke wad hospital kerana dia menghidap demam denggi,” kata Kelvin. | (vi) | “Saya mahu kalian bersihkan kelas masing-masing jika tidak mahu didenda,” arah pengetua kepada semua murid. |
| (iii) | “Jangan bermain bola sekarang, cuaca panas,” tegur Abang Tahir kepada saya. | | |
| 4. | | (ii) | Sambil menyelam minum air |
| (i) | Seperti katak di bawah tempurung | | |

SET 3

- | | | | |
|------|------------------------------------------------------------------------------|-------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | | (iii) | goreng telur – telur goreng |
| (i) | memperisteri anaknya – memperisterikan anaknya | (iv) | Adalah dimaklumkan – Dengan ini dimaklumkan |
| (ii) | demi untuk – demi/untuk | | |
| 2. | | (iii) | Mesen-mesen – mesin-mesin |
| (i) | kritik – kritis | | |
| (ii) | ke dua – kedua | | |
| 3. | | (iii) | Pembahagi jalan dilanggar oleh pemandu lori itu sebelum dia tercampak ke tepi sungai. |
| (i) | Setandan pisang dibawa oleh Lokman ke masjid pada setiap hari Jumaat. | (iv) | Semua dahan rambut yang rimbun telah saya cantas semalam. |
| (ii) | Tandas itu dibersihkan oleh murid Tingkatan 1 Dinamik selepas waktu sekolah. | (v) | Anak ayam Farid telah disambar oleh helang di bawah pokok. |
| 4. | | (ii) | Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain |
| (i) | Genggam bara api biar sampai jadi arang | | |

SET 4

- | | | | |
|-------|-----------------------------------|-------|-----------------------------------------|
| 1. | | (iv) | mengirimkan ayahnya – mengirimi ayahnya |
| (i) | pemain-pemain – pemain | | |
| (ii) | ke – kepada | | |
| (iii) | jika sekiranya – jika / sekiranya | | |
| 2. | | (iii) | istirehat – istirahat |
| (i) | Ibubapa – Ibu bapa | | |
| (ii) | Bandaraya – Bandar raya | | |
| 3. | | (v) | Ayat perintah |
| (i) | Ayat nyata | (iii) | Ayat tanya |
| (ii) | Ayat seruan | (iv) | Ayat seruan |

- 4.
- | | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) Allahyarham Tun Abdul Razak meninggalkan jasa yang amat besar kepada negara seperti kata pepatah “gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”. | (ii) Sekiranya Ammar tidak suka atau tidak berpuas hati dengan Razi eloklah berunding, bukan dengan menghina atau memecatnya kerana buruk dibuang dengan rundingan, baik ditarik dengan muafakat. |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

SET 5

- 1.
- | | |
|-----------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| (i) goreng ketam – ketam goreng | (iii) terdapat beberapa peserta-peserta – terdapat peserta |
| (ii) Sejak dari hari itu – Sejak hari itu / Dari hari itu | (iv) Di atas – Atas |
- 2.
- | | |
|-------------------------------------|----------------------------|
| (i) Juru ukur – Juruukur | (iii) Meski pun – Meskipun |
| (ii) mengenalpasti – mengenal pasti | |
- 3.
- | | |
|-----------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| (i) Solekan mak andam itu sungguh cantik. | (iv) Anak-anak yang bermain di padang permainan itu sudah balik. |
| (ii) Persatuan belia kampung ini ditubuhkan oleh Haji Muszafar. | (v) Ubat nyamuk itu disemburnya sebelum dia masuk tidur. |
| (iii) Kawan-kawan kamu sudah pulang? | |
- 4.
- | | |
|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) Ada gula adalah semut | (ii) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri |
|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|

BAHAGIAN B – KOMSAS DAN NOVEL

Praktis 1 – Pantun Dua Kerat

- (i) Impak sikap negatif ialah manusia mudah leka apabila diuliti kesenangan dalam kehidupan. Seterusnya sikap malas membuat kerja menyebabkan seseorang itu tidak akan dapat menikmati kesenangan hidup.
- (ii) Persoalan yang terdapat dalam pantun ialah **persoalan sikap dan sifat menentukan kehidupan**, contohnya sesuatu yang dilakukan berkait rapat dengan kemampuan diri sendiri. Seterusnya **persoalan sikap leka wujud daripada kesenangan hidup**, contohnya orang akan mudah leka jika sudah terbiasa hidup senang.
- (iii) Jika kita berhadapan dengan situasi tersebut, kita perlu menegur secara berhemah dengan mengatakan ukuran tubuh badan atau warna kulit merupakan kurniaan Tuhan dan kita tidak boleh menghina apa-apa yang diberikan oleh Tuhan. Selain itu, mencadangkan rakan saya itu menukar ungkapan dengan memuji seperti “sahabat yang cerdik” atau “sahabat berhati mulia”. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 2 – Syair Pohon Buluh

- (i) Pohon buluh biasanya mempunyai dedaun yang lebat. Daun-daun buluh tumbuh di atas pucuk buluh yang tinggi. Pohon buluh biasanya hidup berumpun dan rapat antara satu sama lain. [Pilih dua isi sahaja.]
- (ii) Gaya bahasa berdasarkan syair ialah **inversi**, contohnya “Terlalu kuat pada asasnya” sepatutnya ditulis “Pada asasnya terlalu kuat”. Selanjutnya **simile**, contohnya ayat “Gelapnya di dalam seperti malam” dan “Air tak tiris seperti kolam”.
- (iii) Buluh semakin kurang digunakan dalam masyarakat kita kerana ada bahan lain sebagai ganti seperti plastik, besi, dan aluminium. Selain itu, kos untuk mendapatkan buluh bagi penduduk di bandar begitu tinggi berbanding dengan membeli bahan alternatif gantian buluh tersebut. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 3 – Sajak Kita Umpama Sehelai Daun

- (i) Penyajak menasihati pembaca supaya meneladani kehidupan sebagai daun yang menabur bakti dengan memperlihatkan warna hijau agar menyegarkan mata. Seterusnya apabila daun sudah kering akan gugur untuk menjadi baja kepada pokok-pokok.
- (ii) Pengajaran daripada sajak ialah **kita perlu bersikap baik hati**, contohnya kecantikan pohon yang daunnya rimbun itu akan menjadi tempat unggas hinggap dan hidup gembira kerana dapat melindungi diri daripada terik matahari. Seterusnya **kita mestilah mengamalkan sikap hemah tinggi**, contohnya kita dilarang bersikap sombong dengan kemampuan diri sehingga melupakan golongan yang lemah dan fakir miskin yang juga ingin mencari kesejahteraan.
- (iii) Ulam daripada pucuk daun dapat menambah rasa sesuatu makanan. Selain itu, ulam juga membekalkan serat yang amat diperlukan oleh sistem penghadaman manusia yang memainkan peranan sebagai pengisi pada bahan buangan dan memudahkan pergerakan najis dalam saluran usus. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 4 – Sajak Kuingin Berterima Kasih

- (i) Penyajak terhutang budi kepada tanah kerana dia sedar bahawa tanah yang subur penting sebagai punca rezeki para petani. Seterusnya penyajak ingin berbisik dengan berterima kasih kepada ikan di lautan kerana menjadi sumber rezeki nelayan yang miskin.
- (ii) Gaya bahasa daripada sajak ialah **metafora**, contohnya ayat “api amarah pun terpendam”, “liar di belantara samudera”, “darah kesetiaan seorang warga”, dan “di taman-taman keresahan hidup”. Di samping itu **personifikasi**, contohnya ayat “Sesekali kuingin menyemai budi”, “kerana perutmu setia menghamilkan”, “Sesekali kuingin kalungkan kagum”, “menyerah keinsafan”, dan “kepada keangkuhan perang”.
- (iii) Kita berasa berat untuk mengucapkan terima kasih kepada seseorang kerana sikap sombong yang menguasai diri dengan menganggap ungkapan tersebut boleh merendahkan diri sendiri. Selain itu, sejak kecil tidak dididik menghargai pemberian orang lain menyebabkan kita merasakan tidak perlu mengungkapkan kata-kata itu. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 5 – Sajak Aku

- (i) Penyajak membayangkan bahawa pada hari itulah dia dilahirkan di bumi. Selain itu, penyajak menganggap pada hari itu pertama kali dia melihat laut, langit, dan pohon.
- (ii) Persoalan daripada sajak ialah **persoalan Nabi Adam sebagai manusia yang pertama di dunia**, contohnya penyajak membayangkan dirinya Nabi Adam yang dapat melihat laut, langit, dan pohon. Akhir sekali **persoalan keinsafan terhadap kuasa dan kewujudan Pencipta**, contohnya penyajak menginsafi kuasa dan kewujudan Pencipta apabila berada di pantai.
- (iii) Manusia suka memilih pantai sebagai destinasi percutian bersama-sama keluarga kerana deruan ombak, tiupan angin, pasir yang memutih, dan pemandangan yang indah membuatkan hati berasa gembira. Selain itu, seisi keluarga boleh bermandi-manda bersama dengan pengunjung yang lain. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 6 – Sajak Kunci Bahasa

- (i) Bahasa boleh mengukuhkan perpaduan kaum kerana bahasa memainkan peranan sebagai alat untuk mengeratkan hubungan. Selain itu, bahasa boleh menjalinkan persaudaraan yang erat.
- (ii) Gaya bahasa daripada sajak ialah **personifikasi**, contohnya ayat “tidak kering bahasa diperah”. Seterusnya **anafora**, contohnya perkataan “bahasa” dan “tidak” diulang pada setiap rangkap.
- (iii) Penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat masih pada tahap rendah kerana masyarakat lebih selesa berbahasa Inggeris atau mencampuradukkan bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian. Selain itu, masyarakat kurang yakin bahasa kebangsaan mampu berperanan sebagai wahana ilmu dan pengerat hubungan kaum. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 7 – Prosa Tradisional Padi

- (i) Kelebihan padi ialah sejenis tanaman yang sangat baik. Selain itu, rasanya enak sekali.
- (ii) Empunya padi tidak mengizinkan sama sekali jika padi itu dibawa ke bumi. Dia hanya membenarkan makanan itu dimakan oleh anak yatim di kayangan.

- (iii) Tindakan yang empunya padi tidak wajar kerana padi merupakan rezeki daripada Tuhan yang perlu dinikmati oleh semua kehidupan. Selain itu, empunya padi tiada keyakinan bahawa orang yang berbudi akan menerima balasan rezeki yang banyak daripada Tuhan. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 8 – Cerpen Oren

- (i) Oren boleh tinggal bersama-sama keluarga yang menitikberatkan kasih sayang terhadap haiwan apabila ibu Oren dilanggar oleh seorang lelaki. Lelaki itu bersimpati terhadap Oren yang kehilangan ibu, lalu dibawa pulang anak kucing itu untuk dipelihara.
- (ii) Apabila Oren dibawa pulang, isterinya berasa hairan kerana sebelum ini “dia” tidak berminat memelihara kucing. Apabila diterangkan perkara sebenar yang berlaku, isterinya mengerti lalu memberikan kasih sayang kepada kucing itu.
- (iii) Sesetengah orang sanggup menyeksa kucing kerana kucing membuang air merata-rata tempat. Selain itu, dalam diri orang itu sarat dengan perasaan benci, menyebabkan kucing yang tidak bersalah tergamak diseksa. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 9 – Cerpen Hadiah

- (i) Azizah diminta menyertai peraduan itu untuk membuktikan kekuatan daya usaha. Selain itu, keikhlasan berjuang semata-mata untuk meningkatkan kemajuan diri.
- (ii) Untuk membuktikan Azizah bersungguh-sungguh memenangi peraduan tersebut ialah habis daun nipah, urat mengkuang, daun lalang dikerjakannya untuk menganyam. Selain itu, dia meneroka pelbagai bentuk dan warna, aneka rupa dan teknik, cara dan persembahan anyaman.
- (iii) Cikgu Zaleha memanggil Azizah dengan gelaran seperti itu untuk memberikan semangat kepada Azizah. Selain itu, kata-katanya itu juga sebagai doa, semoga anak muridnya itu menjadi orang yang berjaya dan terkenal. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 10 – Cerpen Kuih Bakul Limau Mandarin

- (i) Apabila Lim Pooi dimaklumkan anaknya akan pulang untuk menyambut Tahun Baharu Cina, dia terus mengungkapkan bahawa dia tidak membenarkan anaknya menjejakkan kaki di rumahnya. Seterusnya, dia menganggap Lim Meng bukan anaknya.
- (ii) Lim Pooi tidak menerima kepulangan anaknya itu kerana sejak Lim Meng dilahirkan peniagaannya musnah. Selain itu banyak kecurian telah berlaku. Hidupnya menjadi tidak tenang. Seterusnya, Lim Pooi menganggap Lim Meng yang menyebabkan Lim Foong meninggal dunia. [Pilih dua isi sahaja.]
- (iii) Lim Foong mahu pulang ke pangkuan keluarga kerana dia mahu merapatkan ikatan silaturahim yang telah terputus. Seterusnya dia sedar, anak yang baik perlu sentiasa bersama-sama keluarga sama ada ketika susah atau senang. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 11 – Drama Hadiah

- (i) Usaha dan tindakan yang dilakukan oleh Pak Mail untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh cucunya ialah dia bercadang mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahan cucunya itu. Selain itu, Pak Mail telah memberitahu masalah yang dihadapinya kepada Tuk Penghulu.
- (ii) Kerajaan telah memberikan wang dengan harapan wang tersebut membantu persekolahan anak-anak Fauziah. Selain itu, suami Fauziah telah berjasa kepada negara, jadi sewajarnya keluarga mendapat penghargaan.
- (iii) Anak-anak muda kurang berminat terhadap kerjaya sebagai perajurit kerana pekerjaan tersebut tidak glamor berbanding dengan bekerja makan gaji di pejabat; boleh bergaya dengan pakaian dan kenderaan. Selain itu, pekerjaan tersebut dianggap mengongkong kehidupan mereka. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

BAHAGIAN C - ULASAN

Praktis 1

[Pendahuluan] Seni mempertahankan diri seperti silat, silambam, taekwondo, dan karate menjadi pilihan remaja yang berwawasan. [Isi 1] Menerusinya, kita dapat membentuk sahsiah yang terpuji. [Contoh/Kesan] Kita akan menjadi manusia yang berdisiplin, berakhlak mulia, dan berkeyakinan. [Isi 2] Malah, kita mampu mempertahankan warisan bangsa yang diperkenalkan oleh nenek moyang dahulu. [Contoh/Kesan] Jika kita tidak meneruskan seni bela ini, generasi seterusnya tidak akan mengenali warisan bangsa sendiri. [Isi 3] Selain itu, aktiviti tersebut boleh

menyihatkan tubuh badan. [Contoh/Kesan] Hal ini demikian kerana aktiviti yang dijalankan dapat menggerakkan otot-otot badan. [Penutup/KBAT] Namun begitu, setelah memiliki ilmu mempertahankan diri, tidak perlulah kita menghebohkan ilmu tersebut. Biarlah kita **diam ubi berisi, diam pengali berkarat**.

Praktis 2

[Pendahuluan] Masyarakat terdedah pada penipuan apabila membeli barang menerusi dalam talian. [Isi 1] Masalah penipuan boleh diatasi jika kita mengelak daripada membeli barang yang terlalu murah. [Contoh/Kesan] Harga di pasaran RM300.00, tetapi dijual dengan harga RM100.00, pastinya menimbulkan keraguan terhadap kualiti barang. [Isi 2] Selain itu, kita wajar mengkaji latar belakang penjual. [Contoh/Kesan] Eloklah bertanya kepada rakan yang berpengalaman atau melayari Internet untuk mendapat keterangan lebih lanjut. [Isi 3] Kita juga boleh membayar barang yang dipesan apabila sudah menerima barang tersebut. [Contoh/Kesan] Kita boleh menolak barang tersebut jika barang yang dipesan tidak berkualiti. [Penutup/KBAT] Sebenarnya, pembelian secara dalam talian menguntungkan pengguna jika tiada penipuan. Namun **kerana nila setitik, rosak susu sebelanga**.

Praktis 3

[Pendahuluan] Kempen diadakan untuk mewujudkan kesedaran dalam diri masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar. [Isi 1] Maka, kita mengharapkan masyarakat mengamalkan kitar semula barang. [Contoh/Kesan] Kitar semula dapat mengurangkan bahan buangan dan penggunaan bahan mentah baharu. [Isi 2] Kawasan lapang perlu ditanam dengan tanaman baharu. [Contoh/Kesan] Cara ini dapat mengurangkan hakisan, sekali gus mengelakkan banjir kilat dan tanah runtuh. [Isi 3] Seterusnya, pencemaran udara, air, dan bunyi hendaklah dielakkan. [Contoh/Kesan] Hal ini membawa kedamaian seterusnya masyarakat terhindar daripada penyakit. [Penutup/KBAT] Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga alam sekitar. Memang kita sering membuat kesilapan kerana **bumi mana yang tidak ditimpa hujan**, namun jangan mengulangi kesilapan sehinggakan alam sekitar musnah.

Praktis 4

[Pendahuluan] Pelbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan untuk memastikan masyarakat mempunyai tempat yang sesuai untuk berekreasi. [Isi 1] Usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini bagi memastikan masyarakat dalam keadaan sihat. [Contoh/Kesan] Hal ini berlaku kerana kadar lemak dalam badan dapat dikurangkan apabila kita bermain futsal. [Isi 2] Seterusnya, kita mampu mengurangkan tekanan perasaan. [Contoh/Kesan] Aktiviti yang dilakukan dapat mengurangkan kemurungan, lesu, dan perasaan tidak bersemangat. [Isi 3] Pada waktu yang sama, semangat silaturahim dalam kalangan komuniti dapat dipupuk. [Contoh/Kesan] Maklumlah, selalunya masyarakat sibuk dengan kerjaya dan keluarga masing-masing. [Penutup/KBAT] Oleh itu, manfaatkan masa terluang dengan berekreasi. Jangan memberi alasan sibuk kerana **di mana ada kemahuan, di situ ada jalan**.

Praktis 5

[Pendahuluan] Malaysia ialah sebuah negara yang sedang membangun dan perindustrian menjadi keutamaan kerajaan. [Isi 1] Hal ini demikian kerana sektor perindustrian dapat meningkatkan pendapatan negara. [Contoh/Kesan] Barangan yang dieksport seperti kereta akan melalui sistem pencukaian pihak kastam. [Isi 2] Di samping itu, perindustrian juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat. [Contoh/Kesan] Sebagai contohnya, sebuah kilang mampu menawarkan lebih 1000 peluang pekerjaan. [Isi 3] Malah, sektor perindustrian akan merangsang sektor pertanian negara. [Contoh/Kesan] Sektor pertanian lebih maju dengan penggunaan jentera moden dan biji benih yang berkualiti. [Penutup/KBAT] Oleh itu, marilah kita menyokong usaha kerajaan untuk memajukan negara. Jika kita tidak bersepakat, negara akan huru-hara kerana jika **jong pecah, yu yang kenyang**.

Praktis 6

[Pendahuluan] Pembelajaran abad ke-21 merupakan suatu bentuk transformasi dalam sistem pendidikan negara. [Isi 1] Menerusinya, pembelajaran akan berpusatkan murid. [Contoh/Kesan] Murid perlu mengambil peranan ketika berlakunya proses pembelajaran seperti bersoal jawab dan bijak mencari bahan berkaitan dengan pembelajaran. [Isi 2] Malah, murid dapat mengaplikasikan pelbagai kemahiran. [Contoh/Kesan] Murid perlu menguasai kemahiran menyelesaikan masalah, seni berbahasa, dan kemahiran mereka cipta dengan baik. [Isi 3] Selain itu, murid ditekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). [Contoh/Kesan] Apabila murid memanfaatkan KBAT, maka banyak reka cipta dan inovasi dapat dihasilkan. [Penutup/KBAT] Oleh itu, kita perlu menyahut transformasi pendidikan ini. Langkah ini menjadikan kita manusia yang berdikari, kerana **kalau pandai meniti buih, selamat badan sampai di seberang**.

Praktis 7

[**Pendahuluan**] Bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan sejak zaman Sriwijaya pada abad ketujuh. [**Isi 1**] Dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Perkara 152 (1) telah memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. [**Contoh/Kesan**] Bahasa kebangsaan perlu sebagai penyatu perpaduan rakyat yang pelbagai kaum. [**Isi 2**] Bahasa Melayu penting sebagai alat menyampaikan ilmu pengetahuan. [**Contoh/Kesan**] Hal ini demikian kerana bahasa Melayu digunakan dalam urusan pentadbiran, perundangan, pendidikan, dan hubungan perdagangan serantau. [**Isi 3**] Malah, bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa komunikasi rakyat Malaysia. [**Contoh/Kesan**] Hal ini penting kerana bahasa Melayu juga dituturkan oleh masyarakat Melayu di Thailand Selatan, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka, dan Afrika Selatan. [**Penutup/KBAT**] Sesungguhnya, “Bahasa menunjukkan bangsa”. Oleh itu, sama-samalah kita memartabatkan bahasa Melayu.

Praktis 8

[**Pendahuluan**] Sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei telah diumumkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman pada tahun 1972. [**Isi 1**] Sambutan Hari Pekerja bertujuan mengiktiraf sumbangan pekerja atas kejayaan ekonomi negara. [**Contoh/Kesan**] Kementerian Sumber Manusia menyediakan pelbagai kategori anugerah seperti Anugerah Perdana Menteri dan Tokoh Pekerja Negara. [**Isi 2**] Sambutan juga bertujuan memartabatkan kebajikan dan keperluan warga pekerja. [**Contoh/Kesan**] Misalnya, penjawat awam terus menikmati pelbagai kelebihan termasuk peningkatan elaun dan gaji. [**Isi 3**] Selain itu, sambutan mengingatkan majikan tentang perlunya menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pekerja. [**Contoh/Kesan**] Idea dan cadangan daripada pekerja perlu diberi perhatian agar wujud budaya kekitaan. [**Penutup/KBAT**] Oleh itu, kita perlu belajar bersungguh-sungguh agar memperoleh pekerjaan yang baik. Pekerjaan yang baik mewujudkan keluarga bahagia kerana **padi setangkai bernas semuanya**.